

01 NOV 2003

Najib-Tebusan

ADA KEMUNGKINAN TEBUSAN BORNEO PARADISE MASIH HIDUP, KATA NAJIB

SUBANG, 1 Nov (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata terdapat kemungkinan lima tebusan Borneo Paradise Eco-Farm Resort, Sabah yang diculik tiga minggu lepas masih hidup.

Beliau berkata ini berdasarkan kepada laporan-laporan bercanggah yang diterima pihaknya daripada pihak berkuasa Filipina walaupun pada peringkat ini mereka mengatakan kelima-lima tebusan itu telah dibunuh.

"Ada report mengatakan mereka ini masih hidup lagi, jadi selagi kita tak tengok mayat, kita tak boleh buat kesimpulan lagi," katanya kepada pemberita di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini.

Usaha mendapatkan butiran sebenar mengenai kedudukan tebusan itu masih dijalankan, katanya kepada pemberita selepas mengucapkan selamat bercuti kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang berlepas ke luar negara.

"Kita mempunyai DA (Atase Pertahanan) di Manila, jadi beliau akan memaklumkan sebarang perkembangan kepada kita," katanya.

Semalam, Bernama melaporkan nasib lima tebusan dari Kunak itu terus menjadi tanda tanya apabila saksi yang "terselamat" mengaku kepada pasukan penyiasat beliau tidak lagi pasti sama ada tebusan itu telah dibunuh.

Jurucakap markas selatan Angkatan Tentera Filipina, Lt Kol Renoir Pascua dilaporkan memberitahu sebuah rangkaian berita Filipina bahawa pemuda yang terselamat, Novelito Arcosel, 19, mungkin terkeliru semasa beliau pertama kali disoal siasat, membawa kepada keterangan bercanggah.

Gambaran yang beliau berikan mengenai "pembunuhan" lima lagi tebusan diragui, ekoran kenyataannya tidak konsisten, kata Pascua.

Sehingga tengah hari ini, tentera Filipina masih belum menemui mayat lima orang itu dan memandangkan keraguan pada keterangan Arcosel, operasi untuk mencari mayat mereka mungkin ditukar kembali kepada gerakan mencari dan menyelamatkan.

Pada 5 Okt lepas, Arcosel bersama lima lagi rakan sekerja diculik oleh 10 lelaki bersenjata yang menyerbu resort di Kunak, pantai timur Sabah pada kira-kira 10.30 malam. Kesemua pekerja yang diculik itu adalah warga Filipina dan Indonesia.

-- BERNAMA

AT AZZ MOZ